dōTERRA®

# PERJANJIAN PELANGGAN BORONG - MY

201401037485 (1113630-U) AJL 932137

## LANGKAH 1 Maklumat Peribadi

Nama Pemohon

Nama Pemohon Bersama (jika berkenaan)

Alamat

Poskod

Jantina | Bangsa

Telefon Rumah | Telefon Bimbit

Alamat E-mel

Tarikh Lahir (BB/HH/TTTT) | Tarikh Lahir Pemohon Bersama (BB/HH/TTTT)

Penaja yang Mendaftar (Pendaftar) | Nombor Telefon atau Nombor Penasihat Kesihatan

Penaja Penempatan (jika berlainan) | Nombor Telefon atau Nombor Penasihat Kesihatan

## LANGKAH 2 Memilih Jenis Pendaftaran

**Kit My Family Essential**
- ☐ RM600 100PV

**Kit My First Petal**
- ☐ RM700 100PV

**Kit My First Pebble**
- ☐ RM700 100PV

**Kit My AromaTouch**
- ☐ RM700 100PV

**Kit NutriMeals**
- ☐ RM930 150PV

**Kit Family Wellness**
- ☐ RM1000 160PV
- ☐ RM1000 150PV (Ansuran)

**Kit My Emotional Aromatherapy**
- ☐ RM955 150PV

**Kit My MetaPWR Wellnes**
- ☐ RM1000 170PV
- ☐ RM1000 155PV (Ansuran)

**Kit My PB Assist+ (12B) Wellness**
- ☐ RM1060 180PV
- ☐ RM1060 165PV (Ansuran)

**Kit TerraWellness**
- ☐ RM1460 220PV
- ☐ RM1460 209PV (Ansuran)

**Kit Home Essentials +FCO**
- ☐ RM1450 260PV
- ☐ RM1450 230PV (Ansuran)

Program Ganjaran Kesetiaan **Bermula pada 10%**

GUNA PELAN PANTAS UNTUK BERMULA DENGAN PERATUS YANG LEBIH TINGGI

**Kit Living Wellness***
- ☐ RM2780 500PV
- ☐ RM2780 450PV (Ansuran)

Program Ganjaran Kesetiaan **Bermula pada 15%**
dan Menerima 100 Kredit LRP*

**Kit Oil Sharing***
- ☐ RM5070 1000PV
- ☐ RM5070 910PV (Ansuran)

**Kit Go Builder**
- ☐ RM5400 1000PV
- ☐ RM5400 910PV (Ansuran)

Program Ganjaran Kesetiaan **Bermula pada 20%**
dan Menerima 200 Kredit LRP*

**Kit Must Have Solution***
- ☐ RM6330 1300PV
- ☐ RM6330 1180PV (Ansuran)

Program Ganjaran Kesetiaan **Bermula pada 25%**
dan Menerima 250 Kredit LRP*

☐ Pelanggan Borong dōTERRA Introductory Packet
- RM 132.00

| Kuantiti | Produk Lain |
| --- | --- |
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

* Mata ganjaran akan dapat ditebus 60 hari selepas pendaftaran jika kelayakan dipenuhi.

**30%**

25% Diskaun Borong → **+25%**

Jumlah Penjimatan dan Kredit Produk → **=55%**

Penghantaran: ☐ Hantar ke alamat di atas ☐ Simpan untuk diambil di Pusat Produk

## LANGKAH 3 Program Ganjaran Kesetiaan Bulanan (Alternatif)

☐ Untuk kegunaan peribadi (bukan untuk dijual semula)

| Kuantiti | Produk | Harga | PV |
| --- | --- | --- | --- |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | Jumlah | | |

**Mata Ganjaran Kesetiaan:** Sebagai ahli Ganjaran Kesetiaan, anda boleh mendapat kembali sehingga 30% daripada pembelian anda dalam bentuk mata yang boleh ditebus untuk produk percuma.

**Kelab Produk Bulanan:** Tetapkan pesanan LRP anda pada atau sebelum 15hb untuk 125 PV atau lebih dan terima Produk Bulanan secara percuma.

**Tarikh untuk menghantar pesanan LRP:**

(1–13, 16–28 ) ________________

**(Nota: Penghantaran Ganjaran Kesetiaan pertama anda akan bermula pada bulan selepas pendaftaran anda)**

Penghantaran: ☐ Hantar ke alamat di atas ☐ Simpan untuk diambil di Pusat Produk

## LANGKAH 4 Maklumat Pembayaran

☐ Tunai atau ☐ Kad Kredit (Sila hubungi Perkhidmatan Ahli)

## LANGKAH 5 Pengakuan Terma di Bahagian Belakang dengan Tandatangan

Saya mahu menjadi Pelanggan Borong dōTERRA. Saya telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terdapat di belakang Perjanjian Pelanggan Borong ini ("Perjanjian"). Saya bersetuju bahawa saya tidak mempunyai kepentingan pada masa kini dalam mana-mana akaun dōTERRA.

Tandatangan Pemohon | Tandatangan Pemohon Bersama | Tarikh

« Tandatangan di Belakang

© 2019 dōTERRA Holdings, LLC, https://www.doterra.com/MY/en_MY/ 

1. **Keahlian:** Keahlian Pelanggan Borong ("Keahlian") dengan dōTERRA GH Ireland Limited, entiti yang diperbadankan di Ireland ("dōTERRA GH"), membenarkan anda ("Ahli"), untuk membeli produk dōTERRA untuk kegunaan peribadi pada harga borong dōTERRA daripada dōTERRA Malaysia Sdn. Bhd., anak syarikat dōTERRA GH ("dōTERRA ML"). Rujukan kepada "dōTERRA" atau "Syarikat" yang berkaitan dengan keahlian anda bermakna dōTERRA GH dan rujukan kepada "dōTERRA" atau "Syarikat" yang berkaitan dengan pembelian produk anda bermakna dōTERRA ML. dōTERRA mempunyai hak untuk menolak Keahlian pemohon.

2. **Yuran Keahlian dan Pembaharuan.** Yuran keahlian sebanyak RM132.00 adalah untuk tempoh 12 bulan dari tarikh pendaftaran Ahli. Apabila tamat tempoh 12 bulan, yuran pembaharuan RM 94.00 untuk tempoh tambahan 12 bulan perlu dibayar pada masa pesanan pertama selepas tamat tempoh 12 bulan. Keahlian yang diperbaharui selepas tarikh tamat tempoh akan dilanjutkan untuk 12 bulan dari tarikh pembaharuan.

3. **Polisi Pemulangan Produk**
   a. *Pemulangan Produk Dalam Tempoh Tiga Puluh (30) Hari.* dōTERRA akan mengembalikan seratus peratus (100%) harga belian (termasuk cukai yang dikenakan jika prabayar) produk Pasaran Semasa yang dibeli daripada Syarikat, yang dikembalikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari pembelian, dengan pengurangan kos penghantaran dan Bonus yang dibayar (tidak termasuk tawaran masa terhad dan produk yang telah luput tarikhnya). dōTERRA akan memberi kredit produk seratus peratus (100%) harga belian (termasuk cukai yang dikenakan jika prabayar) atau bayaran balik sembilan puluh peratus (90%) harga belian (termasuk cukai yang dikenakan jika prabayar) produk bukan Pasaran Semasa yang dibeli daripada Syarikat, yang dikembalikan oleh Ahli dalam tempoh tiga puluh (30) hari pembelian, dengan pengurangan kos penghantaran dan Bonus yang dibayar (tidak termasuk tawaran masa terhad dan produk yang telah luput tarikhnya).
   b. *Pemulangan Produk Dalam Tempoh Tiga Puluh Satu (31) hingga Sembilan Puluh (90) Hari.* Dari tiga puluh satu (31) hari sehingga sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembelian, dōTERRA akan memberi Kredit Produk seratus peratus (100%) atau bayaran balik sembilan puluh peratus (90%) harga belian (termasuk cukai yang dikenakan jika prabayar) produk Pasaran Semasa yang dibeli daripada Syarikat, yang dikembalikan oleh ahli, dengan pengurangan kos penghantaran dan Bonus yang dibayar (tidak termasuk tawaran masa terhad dan produk yang telah luput tarikhnya).
   c. *Pemulangan Produk Dalam Tempoh Sembilan Puluh Satu (91) hari sehingga Satu Tahun.* Selepas sembilan puluh satu (91) hari sehingga seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh pembelian, dōTERRA akan memberi Kredit Produk sembilan puluh peratus (90%) atau bayaran balik sembilan puluh peratus (90%) harga belian (termasuk cukai yang dikenakan jika prabayar) produk Pasaran Semasa yang dipulangkan daripada Penasihat Kesihatan atau Ahli, dengan pengurangan kos penghantaran dan Bonus yang dibayar (tidak termasuk tawaran masa terhad dan produk yang telah luput tarikhnya).
   d. *Pemulangan Produk Dalam Tempoh Seratus Lapan Puluh Satu (181) hari sehingga Dua Belas Bulan.* Selepas seratus lapan puluh satu (181) hari dan sehingga dua belas (12) bulan hari dari tarikh pembelian, dōTERRA akan memberi Kredit Produk tujuh puluh lima peratus (75%) atau bayaran balik tujuh puluh lima peratus (75%) harga belian (termasuk cukai yang dikenakan jika prabayar) produk Pasaran Semasa yang dipulangkan daripada Penasihat Kesihatan atau Pelanggan, dengan pengurangan kos penghantaran dan Bonus yang dibayar (tidak termasuk tawaran masa terhad dan produk yang telah luput tarikhnya). dōTERRA, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh memilih untuk menyerahkan bayaran balik sebanyak 75% ke dalam akaun Penasihat Kesihatan/Pelanggan Borong sekiranya sesuatu pesanan belum diambil di Pusat Produk dōTERRA selepas 181 hari membuat pesanan.
   e. *Produk Pasaran Semasa.* Produk yang disifatkan Produk Pasaran Semasa jika setiap unsur berikut dipenuhi: 1) produk dibeli daripada dōTERRA; 2) produk tidak dibuka dan tidak digunakan; 3) pembungkusan dan label produk tidak diubah atau rosak; 4) produk dan pembungkusan berada dalam keadaan yang mana secara komersilnya munasabah dalam amalan perdagangan untuk menjual barangan dengan harga penuh; 5) produk mempunyai label semasa dōTERRA. Produk tidak dikira produk Pasaran Semasa jika Syarikat mendedahkan sebelum pembelian bahawa produk itu bermusim, dihentikan, tawaran masa terhad, atau produk promosi khas tidak tertakluk pada Polisi Pemulangan Produk.

4. **Program Ganjaran Kesetiaan (Loyalty Rewards Program - LRP).** Walaupun Ahli tidak mempunyai keperluan untuk membeli produk, Ahli boleh memastikan bahawa Ahli menerima penghantaran barangan dōTERRA bulanan dengan mendaftar dalam Program Ganjaran Kesetiaan (LRP) selepas bulan pertama pendaftaran. LRP mengurangkan kesulitan untuk membuat pesanan bulanan secara manual. Sekiranya Pesanan LRP Ahli mempunyai sekurang-kurangnya 50 mata Jumlah Peribadi (Personal Volume - PV) setiap bulan, Ahli layak untuk menerima Kredit Produk setiap bulan. PV ialah nilai mata produk yang dibeli oleh Ahli setiap bulan. Tidak semua produk akan menjana mata PV dan PV tidak termasuk pembelian produk dengan Kredit Produk. PV produk jelas dinyatakan pada Borang Pesanan Produk. Kredit Produk adalah mata bukan tunai yang boleh ditebus untuk digunakan dalam pembelian produk yang ditetapkan dōTERRA. Kredit Produk diberi sebagai sebahagian daripada LRP dan mengikut budi bicara Syarikat. Selepas Ahli menjadi ahli LRP selama 60 hari, Ahli boleh menebus Kredit Produk untuk membeli produk PV penuh. Kredit Produk LRP boleh ditebus dalam masa 12 bulan dari tarikh dikeluarkan dan akan luput selepas tempoh tersebut. Kredit boleh ditebus dengan bayaran RM12.00, untuk setiap pesanan penebusan, dengan menghubungi +603 2633 7888. Produk dibeli dengan kredit LRP bukan untuk dijual semula atau tidak boleh dikembalikan. Pesanan penebusan tidak mempunyai PV dan tidak boleh digabung dengan pesanan produk lain. Kredit Produk tidak mempunyai nilai penebusan wang tunai dan tidak boleh dipindah milik. Semua Kredit Produk akan dibatalkan jika penyertaan dalam program LRP dibatalkan. Pesanan LRP pertama Ahli hanya boleh dibatalkan dengan menghubungi Syarikat. Sebarang pesanan LRP yang berikutnya boleh dibatalkan secara dalam talian.

5. **Penjualan Semula Produk.** Ahli bersetuju bahawa mereka tidak akan menjual produk dōTERRA yang dibeli melalui Keahlian.

6. **Batasan Liabiliti.** dōTERRA, ahli, pengurus, pengarah, pegawai, pemegang saham, pekerja, petugas, dan ejen (secara kolektif dirujuk sebagai 'sekutu'), tidak akan bertanggungjawab terhadap ganti rugi khas, tidak langsung, tidak dijangka, berkaitan, punitif atau ganti rugi contoh. Jika dōTERRA didapati melanggar terma dan syarat, jumlah maksimum ganti rugi yang Ahli boleh tuntut terhad kepada jumlah produk dibeli secara peribadi oleh Ahli daripada dōTERRA dan yang masih ada.

7. **Penyelesaian Konflik.** Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, tuntutan, persoalan atau perselisihan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini, pihak berkenaan hendaklah melakukan usaha terbaik mereka untuk menyelesaikan pertikaian, tuntutan, persoalan, atau perselisihan pendapat. Oleh itu, mereka harus berbicara dan berunding dengan satu sama lain secara baik, mengetahui kepentingan masing-masing, dan cuba untuk mencapai penyelesaian adil dan saksama yang dapat memuaskan kedua-dua pihak. Sekiranya mereka tidak mencapai penyelesaian dalam tempoh 60 hari, maka dengan pemberitahuan daripada satu pihak ke pihak lain, semua pertikaian, tuntutan, persoalan atau perbezaan akan diselesaikan oleh timbang tara yang ditadbir di Provo, Utah, oleh Persatuan Timbang Tara Amerika (American Arbitration Association) selaras dengan peruntukan Peraturan Timbang Tara Komersil. Penghakiman ke atas perkara yang diberikan oleh penimbang tara boleh digunakan di dalam mana-mana mahkamah yang dalam bidang kuasanya. Perjanjian untuk timbang tara akan kekal dalam sebarang pelucutan atau penamatan Keahlian. Walau apa pun keputusan timbang tara ini, tiada perkara boleh menghalang dōTERRA daripada memohon dan mendapatkan dari mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa satu perintah rasmi, perintah penahanan sementara, amaran awal , amaran kekal atau bantuan lain yang ada untuk melindungi kepentingan dōTERRA sebelum, semasa, atau selepas memfailkan sebarang timbang tara atau prosiding lain atau menunggu keputusan yang berkaitan dengan mana-mana timbang tara atau prosiding lain.

8. **Penguatkuasaan Undang-undang.** Semua pihak bersetuju dengan tempat dan bidang kuasa eksklusif di hadapan mahkamah Malaysia dan pentadbiran undang-undang Malaysia, untuk tujuan mendapat bantuan yang adil dan/atau menguatkuasa keputusan timbang tara atau perkara lain yang tidak tertakluk kepada timbang tara. Ahli bersetuju bahawa, walau apa pun undang-undang limitasi yang bertentangan dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, sebarang tuntutan atau tindakan yang Ahli kenakan terhadap dōTERRA untuk sebarang perbuatan atau kelalaian berkaitan dengan terma dan syarat atau Keahlian mesti dibawa dalam masa satu (1) tahun dari tarikh perbuatan atau kelalaian yang membawa kepada tuntutan atau tindakan tersebut. Kegagalan untuk membuat tindakan sedemikian dalam masa yang dibenarkan akan menghalang semua tuntutan terhadap dōTERRA untuk perbuatan atau kelalaian tersebut. Ahli mengetepikan sebarang dan semua tuntutan atau hak untuk mendakwa undang-undang batasan yang lain.

9. **Komunikasi Elektronik.** Saya membenarkan dōTERRA dan sekutunya untuk berkomunikasi dengan saya melalui e-mel elektronik di alamat e-mel yang disediakan untuk dōTERRA. Saya faham bahawa e-mel tersebut mungkin termasuk tawaran atau permintaan untuk penjualan dan pembelian produk dōTERRA, bantuan jualan, atau perkhidmatan.

10. **Pengekalan.** Seksyen 6, 7, 8, 9, 10 dan 11 terma dan syarat ini, akan kekal dalam penamatan Keahlian.

11. **Perlindungan Data.** Dengan mendaftar Keahlian dengan dōTERRA, Ahli memberi keizinan kepada dōTERRA untuk memproses data peribadi yang terkandung di dalam permohonan / perjanjian ini dan untuk memindahkan data peribadi tersebut, bersama dengan maklumat mengenai aktiviti jualan masa depan akaun Penasihat Kesihatan ini ("Data Peribadi"), kepada mana-mana anak syarikat dan syarika gabungan seluruh dunia dōTERRA, dan kepada orang lain yang berada di dalam organisasi jualan dan rangkaian pengedaran yang sama, untuk tujuan utama bagi mentadbirkan jualan dan pengedaran produk dōTERRA dan untuk menyediakan laporan kepada Penasihat Kesihatan dōTERRA tentang aktiviti jualan dalam organisasi jualan mereka. Ahli memahami bahawa pemindahan maklumat ini mungkin kepada negara lain tanpa tahap perlindungan undang-undang privasi yang bersamaan dengan yang diberikan di dalam negara asal saya. Saya memahami bahawa jika saya ingin mengakses, membetul, mengehad atau mengemas kini Data Peribadi saya, atau membuat apa-apa pertanyaan atau aduan tentang pemprosesan maklumat tersebut, saya boleh menghubungi +603 2633 7888 , alamat e-mel malaysia@doterra.com. Saya memahami bahawa ia adalah perlu untuk dōTERRA memproses Data Peribadi saya, di mana tanpanya, saya tidak akan mendapat sebarang keahlian. Pihak-pihak bersetuju bahawa kewajipan ini kekal penamatan Perjanjian.

12. **Pindaan.** Ahli bersetuju bahawa terma dan syarat ini boleh dipinda bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak dōTERRA dan Ahli bersetuju bahawa selepas notis 30 hari, sebarang pindaan akan dikenakan kepada Ahli. Pemberitahuan pindaan akan diterbitkan dalam bahan rasmi dōTERRA termasuk laman web rasmi Syarikat. Kesinambungan pembelian produk dōTERRA bermaksud penerimaan Ahli terhadap sebarang dan semua pindaan dōTERRA kepada terma dan syarat

**Tandatangan** ______________________________

*Semua perkataan dengan tanda dagangan atau simbol dagangan berdaftar adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar bagi dōTERRA Holdings, LLC.